

UCAPAN YAB PERDANA MENTERI,
DATO HUSSEIN ONN, SEMASA MERASMI-
KAN MESYUARAT PERWAKILAN UMNO
BAHAGIAN JOHOR BAHRU, DI TAPIAN
GELANGGANG LARKIN, JOHOR BAHRU,
PADA 2HB. MEI, 1980 JAM 9.30 PAGI

Assalamu Alaikum Warahmatullahi Wabarakatuh,

Bismillahir Rahmanir Rahim,

1. Yang Berhormat
Wakil Menteri Besar Johor,
 3. Yang Berhormat Ahli-Ahli Majlis Kerja
Kerajaan Negeri, *dan Dewan Undangan Negeri*
 2. Yang Berhormat ~~Dato Hajjah Hasnah,~~
Timbalan Ketua UMNO Bahagian Johor Bahru,
dan ahli² jawatankuasa
 4. ~~Ahli-Ahli Yang Berhormat,~~
yang Berbahgia, Pemimpin² MCA dan MIC.
 5. Para Perwakilan dan Pemerhati, ~~serta~~
 6. Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.
-

Saya bersyukur kehadiran Allah

Subhanahu Wataala, kerana dapat sekali lagi meras-
mikan Mesyuarat Perwakilan UMNO Bahagian Johor

~~Bahru, dan seterusnya mengambil bahagian dalam persidangan ini.~~ Saya mengucapkan berbanyak terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan, kepada ahli-ahli Jawatankuasa dan seluruh ahli UMNO di Bahagian ini, kerana sudi memilih saya ^{menta maaf} sekali lagi memimpin Bahagian ini. Saya ~~sungguh~~ ~~insaf,~~ kerana di sebabkan tugas dan tanggungjawab saya yang lain, saya jarang-jarang dapat menghadiri ^{Jawatankuasa} mesyuarat Bahagian.

2. Saya ~~sungguh~~ menyanjong tinggi serta sentiasa menghargai keyakinan dan kepercayaan yang telah diberikan kepada saya itu. Sokongan

...3/-

dan kerjasama pemimpin-pemimpin dan ahli-ahli
sekelian, ~~khususnya Mak Nah~~, telah banyak
meringankan tugas dan kewajiban saya sebagai
Ketua Bahagian. ~~Insyallah, selagi pimpinan~~
saya masih lagi dikehendaki oleh Bahagian ini,
saya akan terus berkhidmat kepada rakyat di
kawasan Johor Bahru. Oleh kerana saya juga
menjadi Wakil Rakyat bagi Kawasan Sri Gading,
saya harap dapatlah pemimpin dan ahli UMNO
Bahagian Johor Bahru, mengizinkan saya mem-
bahagikan masa saya untuk berkhidmat dalam dua
~~Kawasan ini. Mudah-mudahan segala usaha~~

...4/-

~~kita yang jujur dan ikhlas ini, akan sentiasa
diberkati Allah.~~

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

3. Pada 31hb. Ogos ini, genaplah 23 tahun usia negara kita mencapai Kemerdekaan. Berdasarkan Perlembagaan Persekutuan, kita telah berjaya selama ini mengamalkan sistem pemerintahan demokrasi berparlimen. Di bawah sistem ini, rakyat memegang kuasa mutlak memilih Kerajaan. Penentuan bentuk corak Kerajaan adalah melalui pengundian dalam pilihanraya. Dengan hak pengundian ini, rakyat berkuasa menentukan sesebuah parti politik menubuhkan

Kerajaan. Sesebuah Kerajaan boleh diturunkan atau dikekalkan melalui pilihanraya. Sistem pemerintahan demokrasi berparlimen ini, didapati amat sesuai bagi menjamin kestabilan politik negara.

4. Semenjak tahun 1955, melalui pilihanraya umum yang pertama, UMNO telah melibatkan diri dalam pentadbiran negara. Dalam setiap pilihanraya yang berikutnya, UMNO sentiasa menerima sokongan dan kepercayaan rakyat. Berkat sokongan dan kepercayaan ini, UMNO telah dapat mencorakkan suasana keadaan politik

negara, dan meletakkan kepentingan rakyat dan negara dalam keadaan yang terpelihara. Sebagai sebuah parti politik yang terbesar dan tertua, UMNO sentiasa menyanjong tinggi serta menghargai sokongan dan kepercayaan rakyat. Kita sentiasa sedar bahawa kedudukan parti kita, adalah bergantung kepada sokongan sebilangan besar rakyat jelata.

5. Memanglah menjadi hasrat UMNO memelihara dan mengekalkan sokongan dan kepercayaan rakyat jelata buat selama-lamanya, Insya Allah. Kejayaan ini, hanya dapat dihasilkan, jika sebahagian besar rakyat yang menyokong parti

...7/-

kita, dapat menyertai dan mengundi dalam pilihanraya. Oleh itu, adalah amat perlu dan penting UMNO mengambil berat serta menentukan supaya sebilangan besar rakyat yang berhak mengundi, terutamanya orang-orang Melayu, mendaftarkan diri sebagai pengundi. Jika ini tidak dilakukan, maka kedudukan parti kita akan tergugat, dan keadaan ini akan melibatkan penyer-taan UMNO dalam pentadbiran dan politik negara. Saya menggesa pemimpin UMNO di semua peringkat, supaya mengambil dayausaha bagi memastikan setiap rakyat yang berhak dan layak mengundi didaftarkan.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

6. Sebagai sebuah parti yang telah mempelupuri penyertaan orang-orang Melayu dalam politik negara, UMNO mestilah sentiasa mendampingi rakyat, khususnya masyarakat Melayu, serta menerangkan kepada mereka mengenai tujuan suci perjuangan parti kita. Pemimpin dan ahli-ahli UMNO hendaklah sentiasa menerangkan dengan jelas kepada rakyat segala dasar-dasar Kerajaan, serta langkah dan tindakan yang dilaksanakan oleh Kerajaan. Dengan seberapa yang boleh, kita mestilah cuba mempengaruhi dan

...9/-

menarik minat seluruh anggota masyarakat Melayu menyokong UMNO, dan menyertai perjuangan parti kita.

7. Saya berpendapat, adalah penting supaya UMNO terus mempelupuri perpaduan orang-orang Melayu dan kaum Bumiputra yang lain, sebagaimana yang telah kita jaya dan buktikan dalam tahun-tahun empat puluhan dan lima puluhan. Perpecahan politik di kalangan masyarakat Melayu, akan hanya merugikan bangsa dan agama kita. Itulah sebabnya saya telah menyeru ahli-ahli PAS, supaya menyokong perjuangan UMNO, dan seelok-eloknya menjadi ahli UMNO. Oleh kerana kita semua

mengikuti ajaran Islam yang sama, saya tidak faham kenapakah kita masih dan mesti lagi berpecah-belah. ^{Kah} Bukantah baik kita semua, sama-sama memperjuangkan nasib rakyat di bawah naungan UMNO? Saya sentiasa mendoakan ~~semoga~~ ^{semoga} Allah membuka pintu hati dan memberikan petunjukNYA kepada ahli-ahli PAS.

8. Sejak ditubuhkan 34 tahun yang lalu, UMNO telah berjaya memperjuangkan perpaduan masyarakat Melayu, demi kepentingan bangsa, agama dan negara. UMNO telah berjaya meletakkan taraf kedudukan agama Islam di peringkat yang

paling tinggi, melalui undang-undang Perlembagaan Persekutuan. ~~Raja-Raja yang memerintah mempunyai kuasa mutlak terhadap perjalan dan pentadbiran agama Islam. Undang-undang syariah dilaksanakan dan dikuatkuasakan kepada umat Islam ^{di} ~~dikebanyakan~~ negeri-negeri. Pada hemat saya, ~~bahawa~~ perpaduan orang-orang Melayu adalah penting, bukan sahaja bagi meninggalkan lagi syiar Islam, bahkan dan yang lebih penting lagi ialah, bagi menjayakan Dasar Ekonomi Baru.~~

...12/-

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

9. Kejayaan Dasar Ekonomi Baru, bergantung kepada keupayaan Kerajaan Barisan Nasional, memastikan supaya ekonomi negara dapat bertumbuh dengan pesat. Di dalam tempoh pelaksanaan Dasar ^{itu,} ~~Ekonomi Baru~~, perkembangan ekonomi negara akan dicapai melalui galakkan Kerajaan kepada pertumbuhan pelaburan di dalam kedua-dua sektor awam dan swasta. Pelaburan dapat mewujudkan peluang-peluang pekerjaan. Ini akan menguntungkan beribu-ribu rakyat yang masih menganggur dan separuh menganggur, yang mengharapkan pembelaan Kerajaan.

10. Kerajaan Barisan Nasional memberi perhatian berat kepada golongan yang berpendapatan rendah, tidak kira samada ^{*penganggur,*} ~~mereka tidak bekerja,~~ buruh, pekerja-pekerja kilang, petani, nelayan ataupun pekebun-pekebun kecil. Kepentingan rakyat yang kurang bernasib baik ini, sentiasa diutamakan oleh Kerajaan. . . Sesungguhnya, UMNO yang mendokong Kerajaan Barisan Nasional, telah kian lama bergerak memperjuangkan kepentingan rakyat jelata, khususnya golongan yang berpendapatan rendah dan penduduk-penduduk yang kurang bernasib baik. Sokongan rakyat golongan inilah, yang telah meletakkan UMNO dikemuncak kedudukan politik negara. Selagi

Kerajaan Barisan Nasional di dokong oleh UMNO, dan selagi UMNO memegang pentadbiran negara, maka selama itulah gulungan-gulungan ini akan terus menerima pembelaan.

11. Dalam hubungan ini, Parti-parti komponen dalam Barisan Nasional, termasuk UMNO, dan Kerajaan, tidak dapat menerima pandangan pihak yang hanya membela gulungan-gulungan yang tertentu sahaja, tanpa mengambil kira kepentingan negara pada keseluruhannya. Berikutan dengan kelulusan pindaan kepada undang-undang buruh oleh Parlimen, sebilangan pemimpin MTUC

telah mengecam pemimpin-pemimpin Kerajaan. Mereka ini menganggap dan mengisytiharkan, parti-parti komponen dalam Barisan Nasional sebagai musuh kepada kesatuan sekerja. Sikap sebilangan pemimpin MTUC ini, amatlah mendukacitakan, lebih-lebih lagi terhadap usaha mereka yang cuba hendak memisah dan menjauhkan kaum pekerja dengan Kerajaan dan parti-parti politik yang menganggotai Kerajaan. Mereka cuba menidakkan sumbangan dan usaha Kerajaan terhadap golongan yang berpendapatan rendah, khususnya pekerja-pekerja. Walau bagaimanapun,

saya penuh yakin, kaum pekerja tidak semudah itu, boleh diperdayakan oleh sebilangan pemimpin kesatuan sekerja yang tidak bertanggungjawab.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

12. Saya berpendapat, adalah perlu bagi semua pihak yang terlibat dalam pertikaian ini, membeza dan mengasingkan kepentingan gulungan kaum pekerja dengan kepentingan kesatuan-kesatuan sekerja. Dengan memahami perbezaan ini, maka jelaslah ternampak kepada kita, bahawa Kerajaan adalah sebenarnya bersungguh-sungguh mengutamakan kepentingan pekerja-pekerja dan

mengambil perhatian berat di atas masalah yang dihadapi oleh gulungan ini. Hanya sebilangan pemimpin kesatuan sekerja ini sahaja, yang sengaja tidak mahu memahami hakikat yang sebenarnya, dan cuba membuat dakyah untuk memburuk-burukkan Kerajaan.

13. Sebagaimana yang telah diumumkan oleh Menteri Buruh dan Tenaga Rakyat, bahawa Kerajaan akan meminda Ordinan Pekerjaan pada Persidangan Parlimen yang akan datang. Pindaan undang-undang ini, akan banyak membawa faedah kepada kaum pekerja. Ini adalah bukti nyata

berkenaan dengan

~~di atas~~ hasrat Kerajaan hendak membela dan memperjuangkan nasib masa depan dan kebajikan kaum pekerja.

14. UMNO memang sudah lama memperjuangkan kepentingan rakyat yang miskin dan gulungan yang berpendapatan rendah, termasuklah kaum pekerja. UMNO sentiasa sedar bahawa kekuatannya adalah bergantung kepada sokongan gulungan ini. Kami tidak akan mengabaikan tanggungjawab kami terhadap mereka ini. Saya menggesa pemimpin-pemimpin UMNO, khususnya Bahagian-Bahagian yang mempunyai kawasan-kawasan bandar seperti

Bahagian Johor Bahru ini, supaya sentiasa mengambil perhatian berat di atas masalah-masalah yang dihadapi oleh kaum pekerja. Pemimpin dan ahli-ahli UMNO hendaklah sentiasa mendekati dan mendampingi mereka ini, serta memberi penerangan yang sejelas-jelasnya di atas apa jua dasar dan tindakan Kerajaan yang melibatkan kedudukan mereka.

15. Akhirnya, saya sekali lagi mengucapkan berbilang terimakasih serta setinggi-tinggi penghargaan kepada semua pihak yang telah sama-sama menjayakan majlis pembukaan ini, dan seterusnya

...20/-

Mesyuarat Perwakilan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Dengan ini, saya dengan amat sukacitanya,
mengisytiharkan Mesyuarat Perwakilan UMNO
Bahagian Johor Bahru ini, dibuka dengan resminya.

Wabillahi Taufiq, Walhidayah,

Wassalamu 'Alaikum Warahmatullahi

Wabarakatuh.



Mesyuarat Persekutuan ini.

Tuan-tuan dan puan-puan sekalian.

16. Dengan ini saya dengan amat sukacitanya

mendisytiharkan Mesyuarat Persekutuan UMNO

Bahagian Johor Bahru ini, dibuka dengan resminya.

Wabillahi Ta'ala, A'la-hu-biyyah.



No Siri	477
No Penerimaan	90/81